

## **ASAS FAHAM PENTADBIRAN PENDIDIKAN ISLAM: MAKNA *TADBİR AL-TA'DİB***

***Asyraf Isyraqi Jamil\*, Wan Suhaimi Wan Abdullah\*\*,  
Ghazali Darusalam\*\*\****

\*\* Academy of Islamic Studies. University of Malaya.  
50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

\*\*\* Faculty of Education. University of Malaya. 50603.  
Kuala Lumpur. Malaysia.

Email: \*isyraqi@um.edu.my

### **Khulasah**

Pelbagai perbahasan dikemukakan oleh para sarjana Muslim untuk membicarakan tentang pentadbiran pendidikan Islam. Namun, penelitian yang terperinci terhadap perbahasan-perbahasan tersebut menemukan kepada ruang perbahasan yang lebih menyeluruh dan mendasar khususnya pada bahagian pembentukan faham pentadbiran pendidikan Islam itu sendiri. Makalah ini bertujuan untuk mengemukakan suatu perbahasan asas faham yang lebih menyeluruh dan mendasar seperti yang dimaksudkan itu. Dengan menggunakan kaedah pendalilan makna yang melibatkan pendekatan takrif bahasa Arab, tafsiran al-Qur'an dan syarahsan Hadis, makalah ini meneliti dua kata kunci yang penting dalam Islam iaitu *tadbir* dan *ta'dib*, yang kemudiannya dibentuk menjadi *tadbir al-ta'dib*. Makna *tadbir* dikemukakan sebagai asas faham pentadbiran Islam, sementara makna *ta'dib* dikemukakan sebagai asas faham pendidikan Islam. Dengan yang demikian, makna *tadbir al-ta'dib* akan dikemukakan sebagai asas faham pentadbiran pendidikan Islam.

**Kata kunci:** Pentadbiran Pendidikan Islam, *Tadbir*, *Ta'dib*, *Tadbir al-Ta'dib*.

### Abstract

Despite the ongoing discourse in Islamic educational administration, a deep scrutiny into the discourse reveals a more comprehensive and fundamental concept in the field. The paper aims to present the result of that scrutiny. Through semantic studies of two Arabic keywords; *tadbīr* and *ta'dīb*, the paper will demonstrate how the theory of *tadbīr al-ta'dīb* is constructed. As *tadbīr* is the essence of Islamic administration and *ta'dīb* is the essence of Islamic education, understanding these two keywords will contribute a lot in formulating the foundation of Islamic educational administration.

**Keywords:** Islamic Educational Administration, *Tadbīr*, *Ta'dīb*, *Tadbīr al-Ta'dīb*.

### Pendahuluan

Pentadbiran pendidikan mula dibicarakan sebagai suatu ilmu yang dikaji pada awal kurun ke-20 masih selepas sekian lama ia hanya dilihat sebagai suatu amalan yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan sepanjang sejarah kehidupan manusia.<sup>1</sup> Pentadbiran pendidikan menjadi

---

<sup>1</sup> Institusi-institusi pendidikan dalam sejarah Islam dan Barat memiliki amalan pentadbiran pendidikan yang tersendiri. Namun, pada ketika kewujudannya, amalan yang berlaku tidak dikenali dengan nama 'pentadbiran pendidikan'. Pengarang sendiri sedang mengusahakan kajian peringkat doktor falsafah berkenaan pemikiran pentadbiran pendidikan Nizām al-Mulk (408-485 H/ 1018-1092 M) menerusi penelitian terhadap pentadbirannya dalam al-Madrasah al-Nizāmiyyah. Antara kajian yang pernah dilakukan berkaitan pentadbiran pendidikan dalam sejarah pendidikan Islam ialah kajian peringkat sarjana bertajuk '*al-Idārah al-Tarbawiyah fī 'al-Madāris fī al-'Aṣr al-'Abbāsi*' oleh Muhammad 'Alī al-Rujūb pada tahun 2002 di Universiti Yarmouk, Jordan. Begitu juga kajian peringkat sarjana bertajuk '*al-Idārah al-Tarbawiyah fī 'Aṣr al-Dawlah al-Rasūliyyah*' oleh Muhammad Muhammad Ṣālih pada tahun 2007 di Universiti Ta'iz, Yaman.

Untuk membaca tentang 'pentadbiran pendidikan' dalam sejarah pendidikan Barat, lihat sebagai contoh: Robert S. Rait, *Life in the Medieval University* (Cambridge: Cambridge University Press, 1931);

salah satu dari bidang yang diberikan perhatian dalam lapangan pendidikan berdasarkan kepentingannya sebagai proses yang menggerakkan proses pendidikan ke arah mencapai tujuan pendidikan itu sendiri.<sup>2</sup> Maka, para sarjana Barat mengemukakan pelbagai pendekatan ketika membicarakan tentang bidang ini seumpama pendekatan pentadbiran saintifik,<sup>3</sup> pendekatan pembahagian fungsi,<sup>4</sup> pendekatan membuat keputusan,<sup>5</sup> pendekatan sistem

---

Alan B. Cobban, *The Medieval Universities: Their Development and Organization* (London: Methuen, 1975). Pada tahun 1946 M, Yayasan Kellogg dari Amerika Syarikat mula memberikan perhatian kepada bidang pentadbiran pendidikan. Yayasan yang sama kemudiannya memperuntukkan lebih dari 9 juta dolar dalam bentuk biasiswa universiti untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan antara tahun 1955 M hingga 1959 M.

Semenjak itu, perhatian terhadap pentadbiran pendidikan bertambah dari institusi-institusi pendidikan di Amerika Syarikat menyebabkan kajian berkenaan dengannya turut bertambah. Daripada Amerika Syarikat, ia berkembang ke benua Eropah pada tahun 1967 M apabila Yayasan Calouste Gulbenkian memperuntukkan sejumlah besar biasiswa kepada Jabatan Pentadbiran Pendidikan dari Kolej Pendidikan di Universiti London untuk proses penyediaan pengajian bagi latihan pegawai kementerian pendidikan. Ia kemudiannya terus berkembang ke benua Soviet Union dan akhirnya ke seluruh dunia sehingga kini dengan dijadikan sebagai antara kurikulum kursus dalam pengajian pendidikan. Lihat: İbrāhīm ‘Iṣmat Muṭāwi‘ & Aminah Ḥassān, *al-Uṣūl al-Idāriyyah li-l-Tarbiyah* (Jiddah: Dār Shurūq, 1982), 9-10.

<sup>2</sup> Sebagai contoh, lihat perbahasan yang dikemukakan oleh Ahmad ‘Abd al-Baqi Bustan & Hasan Jamil Taha, *Madkhāl ilā al-Idārah al-Tarbawiyyah*, c. 3 (al-Kuwayt: Dar al-Qalam, 1993), 40.

<sup>3</sup> John F. Bobbitt, "The Supervision of City Schools: Some General Principles of Management Applied to the Problems of City-School Systems", dalam *Twelfth Yearbook of The National Society for The Study of Education Part I* (Bloomington, IL: National Society for the Study of Education, 1913).

<sup>4</sup> Jesse B. Sears, *Public School Administration* (New York: The Ronald Press, 1947).

<sup>5</sup> Daniel E. Griffiths, *Administrative Theory* (New York: Appleton-Century-Crofts, 1959).

terbuka<sup>6</sup> dan sebagainya. Pendekatan-pendekatan tersebut adalah berasaskan teori-teori dalam pentadbiran umum seumpama teori pentadbiran saintifik,<sup>7</sup> teori hubungan kemanusiaan,<sup>8</sup> teori sains kelakuan,<sup>9</sup> teori sistem sosial,<sup>10</sup> dan sebagainya.

Para sarjana Muslim juga tidak ketinggalan dalam membicarakan tentang pentadbiran pendidikan yang dikemukakan dari pandangan Islam. Maka, munculnya perbahasan-perbahasan oleh `Umar Muḥammad al-Shaybānī,<sup>11</sup> `Arafāt `Abd al-`Azīz Sulaymān,<sup>12</sup> Sidek Baba,<sup>13</sup> Abu Bakar Sarifuddin,<sup>14</sup> Zahā' al-Dīn Aḥmad

---

<sup>6</sup> Wayne K. Hoy & Cecil G. Miskel, *Educational Administration: Theory, Research, and Practice*, edisi ke-8 (Boston: McGraw-Hill, 2008).

<sup>7</sup> Frederick W. Taylor, *The Principles of Scientific Management* (New York: Norton, 1967).

<sup>8</sup> Elton Mayo, *The Human Problems of an Industrial Civilization* (Salem: Ayer Company, 1933).

<sup>9</sup> Chester I. Barnard, *The Functions of The Executive* (Cambridge, Mass: Harvard University Press, 1938).

<sup>10</sup> Getzels & Guba memperkenalkan Teori Sistem Sosial yang kemudian menjadi asas kepada Pendekatan Sistem Terbuka yang dibawa oleh Hoy dan Miskel. Lihat: Hoy & Miskel, *Educational Administration*.

<sup>11</sup> `Umar Muḥammad al-Shaybānī, *Min Usus al-Tarbiyah al-Islāmiyyah* (Tarābus: Manshūrāt al-Mansha'āt al-Sha'bīyah li'l-Nashr wa'l-Tawzī' wa'l-I'lān, 1979).

<sup>12</sup> `Arafāt `Abd al-`Azīz Sulaymān, *al-Idārah al-Madrasiyah fī Daw'i al-Fikr al-Idārī al-Islāmī al-Mu'āṣir* (al-Qāhirah: Maktabah al-Anjlū al-Miṣriyyah, 1987).

<sup>13</sup> Sidek Baba, "Pengurusan Pendidikan Islam: Suatu Pendekatan Sepadu" (makalah, Seminar Nasional Pengurusan Pendidikan: Ke Arah Pengurusan Pendidikan Berkualiti Abad 21 ke-2, jil. 1, Genting Highlands, Pahang, 26-28 November 1992).

<sup>14</sup> Abu Bakar Sarifuddin, "The Islamic Straight Path in Educational Management and Leadership" (makalah, *Asian Symposium on Educational Management and Leadership*, Genting Highlands, Pahang, 26-29 Ogos 1997).

‘Ubaydāt,<sup>15</sup> Ali Jubran Saleh,<sup>16</sup> Mujamil Qomar,<sup>17</sup> ‘Ārif Tawfiq ‘Atṭārī,<sup>18</sup> dan lain-lain. Perbahasan-perbahasan mereka sebenarnya berasaskan pegangan-pegangan Islam yang ada dikemukakan dalam perbicaraan-perbicaraan tentang pentadbiran umum dari pandangan Islam. Antaranya dikemukakan oleh Muḥammad Quṭb al-Quṭb,<sup>19</sup> Muḥammad Muhanna’ al-‘Alī,<sup>20</sup> Aḥmad Ibrāhīm Abū Sin,<sup>21</sup> Mohd. Zahid Noordin,<sup>22</sup> Muhamad Abdul Rauf,<sup>23</sup> Shafie Mohd. Salleh,<sup>24</sup> Syed Othman al-Habshi dan Hamiza Ibrahim,<sup>25</sup> Aḥmad Dāwud al-Mazjājī<sup>26</sup>

<sup>15</sup> Zahā’ al-Dīn Aḥmad ‘Ubaydāt, *al-Qiyādah wa ’l-Idārah al-Tarbawiyyah fī al-Islām* (Ammān: Dār al-Bayāriq, 2001).

<sup>16</sup> Ali Jubran Saleh, *Educational Administration: An Islamic Perspective* (Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 2002).

<sup>17</sup> Mujamil Qomar, *Manajemen Pendidikan Islam* (t.t.p.: Penerbit Erlangga, t.t.).

<sup>18</sup> ‘Ārif Tawfiq ‘Atṭārī, *al-Idārah al-Tarbawiyyah: Muqaddimāt liManzūr Islāmī* (al-Dawlah: Wizārat al-Awqāf wa ’l-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 2008).

<sup>19</sup> Muḥammad Quṭb al-Quṭb, *Niżām al-Idārah fī al-Islām: Dirāsah Muqāranah bi ’l-Nużum al-Mu’āşirah* (t.t.p.: Dār Fikr ‘Arabi, 1978).

<sup>20</sup> Muḥammad Muhanna’ al-‘Alī, *al-Idārah fī al-Islām* (Jiddah: Dār al-Sa’ādah, 1985).

<sup>21</sup> Aḥmad Ibrāhīm Abū Sin, *al-Idārah fī al-Islām*, c. 3 (Dubay: Matba’ah Miṣriyyah, 1986).

<sup>22</sup> Mohd. Zahid Noordin, "Principles of Management and Administration: Islamic Perspective" (makalah, Seminar Serantau Pengurusan Islam, Genting Highlands, Pahang, 6-10 April 1987).

<sup>23</sup> Muhamad Abdul Rauf, *Management and Administration: An Islamic Perspective* (Kuala Lumpur: Islamic Affairs Division, Prime Ministers Dept., 1987).

<sup>24</sup> Shafie Mohd. Salleh, *Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar dan Amalan dalam Islam* (Kuala Lumpur: INTAN, 1990).

<sup>25</sup> Syed Othman al-Habshi dan Hamiza Ibrahim, ed., *Pengurusan dan Pentadbiran: Mencapai Kecemerlangan melalui Penghayatan Nilai* (Kuala Lumpur: IKIM, 1998).

<sup>26</sup> Aḥmad Dāwud al-Mazjājī, *Muqaddimah fī al-Idārah al-Islāmiyyah* (Jiddah: al-Sharikah al-Khalījiyyah, 2000).

Muhammad A. al-Buraey,<sup>27</sup> Yusof Ismail,<sup>28</sup> Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor,<sup>29</sup> Naceur Jabnoun<sup>30</sup> dan lain-lain.

Walaupun sudah wujud perbahasan-perbahasan yang dikemukakan oleh para sarjana Muslim sebelum ini, namun penelitian yang terperinci terhadap perbahasan-perbahasan tersebut khususnya pada asas faham yang dikemukakan oleh mereka masih menemukan kepada ruang perbahasan yang lebih menyeluruh dan mendasar. Hal ini kerana sebahagian besar dari asas faham yang dikemukakan tersebut didapati hanya tertumpu pada bahagian amalan dalam proses pentadbiran pendidikan Islam tanpa melibatkan bahagian pemikirannya juga. Ini bermakna, penekanan diberikan ke arah menghuraikan pentadbiran pendidikan Islam sebagai 'proses untuk memanfaatkan sumber ke arah mencapai tujuan' yang berdasarkan pegangan-pegangan Islam. Dengan yang demikian, penekanan itu tidak melibatkan bahagian pemikiran yang penting, iaitu proses ke arah menghasilkan tujuan pendidikan Islam itu sendiri.<sup>31</sup>

---

<sup>27</sup> Muhammad A. al-Buraey, *Management and Administration in Islam*, c. 6 (London: Kegan Paul International, 2003).

<sup>28</sup> Yusof Ismail, *Mengurus Secara Islam: Model dan Prinsip-Prinsip Pengurusan Islam bagi Individu dan Organisasi* (Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 2004).

<sup>29</sup> Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor, ed., *Dimensi Pengurusan Islam: Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006).

<sup>30</sup> Naceur Jabnoun, *Islam and Management* (Riyadh: International Islamic Publishing House, 2008).

<sup>31</sup> Sebagai contoh, Mujamil Qomar mentakrifkan pentadbiran pendidikan (diungkapkan dengan manajemen pendidikan) sebagai 'proses pengelolaan lembaga pendidikan Islam secara Islami dengan cara menyiasati sumber-sumber belajar dan hal-hal lain yang terkait untuk mencapai tujuan pendidikan Islam secara efektif dan efisien'. Takrif ini lebih menumpukan kepada proses perlaksanaan tanpa melibatkan proses pemikiran iaitu penumpuan kepada tujuan

Begitu juga didapati bahawa sebahagian dari asas faham yang dikemukakan itu juga tidak melambangkan asas yang sebenar bagi faham pentadbiran pendidikan Islam. Ini kerana ia lebih bersifat matlamat, tujuan, pegangan, dan ciri pentadbiran pendidikan Islam itu sendiri. Tidak kelihatan hubungan yang jelas antara asas faham tersebut dengan faham pentadbiran pendidikan Islam. Dalam erti kata yang lain, ia tidak mampu memperjelaskan sebab-sebab yang menjadikan 'pentadbiran pendidikan Islam' itu dinamakan sedemikian.<sup>32</sup>

Maka, makalah ini cuba untuk mengemukakan perbahasan tentang asas faham pentadbiran pendidikan Islam yang lebih menyeluruh dan mendasar. Perbahasan yang dimaksudkan adalah berdasarkan penelitian terhadap dua kata kunci yang penting dalam Islam iaitu *tadbir* dan *ta'dib*. *Tadbir* merupakan kata kunci yang menggambarkan makna pentadbiran dalam Islam, sementara *ta'dib* merupakan kata kunci yang menggambarkan makna pendidikan dalam Islam. Apabila kedua-dua kata kunci tersebut dihubungkan, maka terbentuklah *tadbir al-ta'dib* sebagai makna pentadbiran pendidikan dalam Islam. Dengan yang demikian, *tadbir al-ta'dib* akan dikemukakan sebagai asas faham pentadbiran pendidikan Islam, justeru membentuk suatu perbahasan yang lebih menyeluruh dan mendasar seperti yang diinginkan itu.

Penelitian yang dilakukan terhadap kedua-dua kata kunci *tadbir* dan *ta'dib* adalah berdasarkan kaedah

---

pendidikan Islam itu sendiri. Lihat: Mujamil Qomar, *Manajemen Pendidikan Islam*, 10.

<sup>32</sup> Sebagai contoh, takrif yang dikemukakan oleh Mujamil Qomar juga menggunakan faham pentadbiran pendidikan sedia ada yang terdiri dari tiga unsur iaitu proses, sumber dan tujuan yang disesuaikan dengan pegangan-pegangan Islam. Namun, tiada perincian yang mendalam tentang asas faham yang digunakan itu. Lihat tentang takrif dan perbahasannya dalam: *Ibid.*, 10-37.

pendalilan makna yang melibatkan pendekatan takrif bahasa Arab, tafsiran al-Qur'an dan syarahan Hadis. Kaedah dan pendekatan ini digunakan kerana ia akan memperlihatkan makna-makna yang terkandung dalam kedua-dua kata kunci tersebut yang dapat memperjelaskan tentang faham pentadbiran dan pendidikan Islam yang diwakili oleh kedua-duanya, bahkan dapat memandu perbuatan yang menepati kedua-dua faham tersebut.<sup>33</sup> Kata-kata kunci Arab sebenarnya melambangkan faham-faham yang penting dalam Islam kerana agama Islam disampaikan kepada manusia seluruhnya menerusi nas-nas wahyu yang diungkapkan dalam bahasa Arab. Justeru itu, kaedah dan pendekatan ini digunakan ke atas kedua-dua kata kunci tersebut agar dapat memperlihatkan makna asal bagi kedua-duanya yang menggambarkan faham pentadbiran dan pendidikan Islam yang asal sebelum dicemari oleh makna-makna yang menyeleweng dan mengelirukan.<sup>34</sup>

### **Makna *Tadbir***

*Tadbir* merupakan kata terbitan kepada kata perbuatan *dabbara*. Kedua-duanya berkait dengan kata nama *dubur*,

---

<sup>33</sup> Untuk membaca lebih lanjut tentang hubungan antara makna perkataan dengan kefahaman dan perbuatan manusia, lihat: Adi Setia Mohd Dom, "Teori dan Penemuan Barat tentang 'Aqal: Tinjauan dan Penilaian Ringkas menurut Kerangka Faham Ilmu Islam" (makalah, Seminar Pelbagai Martabat dan Sifat Akal Fikiran dalam Tradisi Ilmiah Tamadun Islam, IKIM, Kuala Lumpur, 13-14 Mei 2008).

<sup>34</sup> Perbahasan seumpama ini sebenarnya berkait dengan kefahaman bahawa wujudnya hubungan antara bahasa dan akal manusia. Bahasa adalah jelmaan zahir bagi fikiran dan fahaman manusia yang merupakan kandungan batinnya. Tanpa bahasa, hilanglah perantaraan utama bagi seseorang manusia untuk menyatakan dan meluahkan fikiran dan fahamannya kepada orang lain. Untuk membaca lebih lanjut tentang persoalan ini, lihat bahagian pengenalan: Mohd Zaidi Ismail & Mohd Sani Badron, *Good Governance: Adab-Oriented Tadbir in Islam* (Kuala Lumpur: IKIM, 2011).

yang mengandungi makna asal ‘akhir dan belakang’.<sup>35</sup> Menurut ilmu bahasa Arab, bentuk timbangan *tafīl* atau *fa ‘ala* lebih digunakan untuk menghubungkan perkara dari sesuatu perbuatan kepada makna asal perbuatan tersebut.<sup>36</sup> Justeru itu, *tadbīr* atau *dabbara* yang datang dalam bentuk timbangan ini membawa makna asal ‘perbuatan menghubungkan sesuatu kepada akhir dan belakangnya’.

Secara umum, *tadbīr* disebut bersama perkataan lain yang datang selepasnya bagi menggambarkan perkara tertentu.<sup>37</sup> Dengan yang demikian, *tadbīr* bermaksud ‘perbuatan terhadap sesuatu perkara’. Menurut ilmuwan bahasa Arab, apabila *tadbīr* dirujuk sebagai perbuatan terhadap sesuatu perkara, maka *tadbīr* juga bermaksud ‘perbuatan merenung terhadap akibat sesuatu perkara tersebut’.<sup>38</sup> Hal ini memperjelaskan bahawa ‘akibat’ adalah maksud kepada ‘akhir dan belakang’ yang merupakan makna asal *tadbīr*.

Oleh kerana itu, tidak menghairankan apabila al-Tahānawī mentakrifkan istilah *tadbīr* sebagai ‘tindakan

<sup>35</sup> Lihat pada madah *da-ba-ra* dalam: Abū al-Ḥusayn Ibn Fāris, *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah*, susunan Muḥammad ‘Awāḍ Mar‘ib & Fātimah Muḥammad Aşlān (Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāث al-‘Arabi), 2001, 355.

<sup>36</sup> Untuk membaca lebih lanjut tentang makna timbangan ini, lihat: ‘Abduh al-Rājihī, *Fī al-Taṭbiq al-Nahwī wa l-Sarfī* (Iskandariyyah: Dār al-Ma‘rifah al-Jāmi‘iyyah, 1992), 409-411; Muḥammad Ma‘ṣūm ‘Alī, *al-Amthilah al-Tasrīfiyyah* (Semarang: Pustaka al-‘Alawiyah, t.t.), 12-13.

<sup>37</sup> Sepertimana yang terdapat di dalam al-Qur'an apabila *yudabbiru* disebut bersama perkataan *al-amr* selepasnya. Lihat: Sūrah Yūnus (10): 3 & 31; Sūrah al-Rā'd (13): 2; Sūrah al-Sajdah (32): 5. *Al-amr* bermaksud perkara, perintah, pengembangan dan peningkatan, tempat yang diketahui dan takjuban. Lihat pada madah *a-ma-ra* dalam Abū al-Ḥusayn Ibn Fāris, *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah*, 73.

<sup>38</sup> Lihat pada madah *da-ba-ra* dalam: Muḥammad Makram Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, jil. 4 (Bayrūt: Dār Ṣādir, t.t.), 268-275; Muḥammad Ya‘qūb al-Fayrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muhiṭ*, susunan Muḥammad Na‘īm al-‘Arqasūsī (Bayrūt: Mu‘assasah al-Risālah, 2005), 389-390.

melaksana atau memikirkan pada akibat perkara-perkara'.<sup>39</sup> Namun, takrif ini kelihatan menjadikan *tadbir* merangkumi dua bentuk perbuatan, iaitu perbuatan yang bersifat '*aqlī* (akal) dan perbuatan yang bersifat *jawāriḥī* (anggota tubuh).

Perbuatan yang bersifat '*aqlī*' tergambar pada tindakan memikirkan akibat perkara-perkara, sementara perbuatan yang bersifat *jawāriḥī* tergambar pada tindakan melaksana perkara-perkara tersebut berdasarkan akibatnya. Walau bagaimanapun, takrif ini sebenarnya sejajar dengan takrif-takrif tentang istilah *tadbir* yang dinukilkan oleh al-Jurjānī sebagai 'renungan terhadap akibat-akibat dengan cara mengenal apa yang baik', dan juga sebagai 'perlaksanaan perkara-perkara berdasarkan pengetahuan tentang akibat-akibatnya'.<sup>40</sup>

Dengan yang demikian, *tadbir* sebagai perbuatan yang berhubung dengan akibat sesuatu perkara sudah sedia mengandungi bahagian pemikiran dan amalan. Di peringkat pemikiran, ia boleh terdiri dari tindakan memperhalusi dan menilai akibat-akibat sesuatu perkara, sementara di peringkat amalan, ia boleh terdiri dari tindakan melaksana atau menghindari sesuatu perkara tersebut berdasarkan akibat-akibatnya itu.

Perkataan *tadbir* dalam bentuk kata terbitan tidak disebut di dalam al-Qur'an. Walau bagaimanapun, perkataan *yudabbir* yang merupakan kata perbuatan disebut sebanyak empat kali.<sup>41</sup> Namun, apabila merujuk kepada kata akarnya iaitu *da-ba-ra*, sebanyak empat puluh empat perkataan ditemui yang berpunca dari kata akar

<sup>39</sup> Muḥammad ‘Alī al-Tahānawī, *Mawsū‘ah Kashshāf Istilāhāt al-Funūn wa ’l-’Ulūm*, susunan Rafiq al-‘Ajam, jil. 1 (Bayrūt: Maktabah Lubnān Nāshirūn, 1996), 402.

<sup>40</sup> ‘Alī Muḥammad al-Jurjānī, *al-Ta’rīfāt*, suntingan ilmiah Ibrāhīm al-Abyārī (Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1984), 76.

<sup>41</sup> Sūrah Yūnus (10): 3 & 31; Sūrah al-Rā‘d (13): 2; Sūrah al-Sajdah (32): 5.

yang sama. Di antara empat puluh empat perkataan tersebut, perkataan yang berhubung rapat dengan makna *tadbir* atau *yudabbi* ialah kata perbuatan *yatadabbar* dan *yaddabbar*.<sup>42</sup>

Dalam hal ini, ayat-ayat yang berkaitan dengan *tadbir* atau *yudabbi* kesemuanya merujuk kepada perbuatan Allah SWT. Ayat-ayat ini memperjelaskan tentang kedudukan Allah SWT sebagai *al-Mudabbir* iaitu Pentadbir yang hakiki. Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī ketika mentafsirkan ayat ke-3 surah Yunus memperjelaskan tentang 'yudabbi al-amr' iaitu: "Bahawasanya Allah SWT memutuskan keputusan dan menentukan ketentuan menuruti ketetapan hikmah-Nya dan Dia melakukan apa yang dilakukannya oleh seseorang yang perbuatan-perbuatannya sentiasa tepat, bahkan seseorang yang sentiasa merenung terhadap akhiran-akhiran bagi perkara-perkara dan akibat-akibatnya, supaya tidak berlaku dalam kewujudan itu sesuatu yang tidak berpatutan."<sup>43</sup>

Imam Ibn `Āshūr juga ketika mentafsirkan ayat yang sama mengungkapkan tentang 'tadbir' iaitu: "Renungan terhadap akibat-akibat dan halangan-halangan bagi ketentuan-ketentuan dengan tujuan menjadikan ketentuan-ketentuan itu sempurna menepati apa yang diinginkan sebagai akibat yang terpuji. Tujuan dari 'tadbir' ialah untuk mendapatkan sesuatu yang baik dengan melakukan perlaksanaan yang menepati apa yang ditadbir. 'Tadbir' Allah SWT ke atas segala perkara menggambarkan kesempurnaan ilmu-Nya berkenaan sesuatu, yang mana

<sup>42</sup> Sūrah al-Nisā' (4): 82; Sūrah Muḥammad (47): 24; Sūrah al-Mu'minūn (23): 68; Sūrah Ṣād (38): 29. *Yatadabbar* atau *yaddabbar* adalah kata perbuatan kepada kata terbitan *tadabbur* atau *iddibbār*. Ibn Manzūr dan al-Fayrūzābādī meletakkan *tadabbur* atau *iddibbār* seerti dengan *tadbir* di peringkat pemikirannya. Lihat pada madah *da-ba-ra* dalam: Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 268-275; al-Fayrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muhiṭ*, 389-390.

<sup>43</sup> Muḥammad 'Umar al-Fakh al-Rāzī, *Mafātiḥ al-Ghayb min al-Qur'ān al-Karīm*, jil. 17 (Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, t.t.), 193.

Dia menciptakan segala perkara itu berdasarkan sesuatu tersebut, dan lafaz ‘*tadbir*’ merupakan sebaik-baik lafaz bahasa yang menghampiri makna ketekunan penciptaan.”<sup>44</sup>

Oleh itu, Allah SWT sebagai *al-Mudabbir* (Pentadbir yang hakiki) mengetahui segala akhiran atau akibat bagi setiap perkara, lalu memutuskan keputusan dan menentukan ketentuan bagi setiap perkara tersebut. Allah SWT menciptakan setiap perkara itu dengan ilmu dan hikmah-Nya yang mengetahui segala akhiran atau akibat setiap perkara itu sehingga menjadikannya terlaksana sebagaimana yang dikehendaki-Nya.

Sementara itu, ayat-ayat yang berkaitan dengan *yatadabbar* dan *yaddabbar* kesemuanya merujuk kepada perintah Allah SWT supaya manusia berfikir dan memahami tentang al-Qur'an iaitu ayat-ayat-Nya. *Tadabbur* atau *iddibbār* sebagai kata terbitan kepada *yatadabbar* atau *yaddabbar* bermaksud ‘perbuatan berfikir dan memahami akibat sesuatu perkara’.<sup>45</sup> Apa yang membezakan antara *tadbir* dan *tadabbur* ialah perbuatan *tadbir* merangkumi kedua-dua renungan dan amalan, sementara perbuatan *tadabbur* hanya terhad kepada renungan yang berlaku menerusi perbuatan berfikir dan memahami. Dengan yang demikian, *tadbir* merangkumi perbuatan ‘*aqlī*’ dan ‘*jawāriḥī*’, sementara *tadabbur* hanya terhad kepada perbuatan ‘*aqlī*’ sahaja.

Perintah Allah SWT supaya manusia berfikir dan memahami akibat ayat-ayat-Nya adalah suatu yang menarik kerana semua ayat al-Qur'an sebenarnya mengimbau manusia agar tidak mengabaikan bahagian ‘akhirat’ sebagai akibat yang memberikan kesatuan kepada pelbagai ayat al-Qur'an itu. Tanpa paksi penyatu

<sup>44</sup> Muḥammad al-Ṭāhir Ibn ‘Āshūr, *al-Tāhrīr wa'l-Tanwīr*, jil. 11 (Tūnis: Dār Sahnūn, 1997), 87.

<sup>45</sup> Lihat pada madah *da-ba-ra* dalam: Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 268-275; al-Fayrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muhiṭ*, 389-390.

ini, ayat-ayat al-Qur'an, secara sepintas lalu, mungkin sahaja kelihatan bercanggah. Perintah ini juga merangkumi perbuatan mengambil iktibar dari peristiwa-peristiwa yang menimpa kelompok-kelompok manusia terdahulu sebagai akibat dari perlakuan-perlakuan mereka. Dengan yang demikian, perbuatan tersebut menjadikan manusia melaksana perlakuan-perlakuan yang baik agar akhirnya mendatangkan hasil-hasil yang terpuji.<sup>46</sup>

Perkataan *tadbir* juga ditemui dalam beberapa riwayat hadis Nabi s.a.w.<sup>47</sup> Antaranya ialah riwayat Abū Dhar r.a dan Anas bin Mālik r.a yang menyebut bahawa Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud: "Tiada akal laksana *tadbir* (untuk memperolehi redha Allah SWT), dan tiada warak seperti penghindaran diri (dari perkara yang diharamkan oleh Allah SWT), dan tiada kemuliaan seumpama akhlak yang baik."<sup>48</sup>

Riwayat hadis ini mengaitkan kedudukan akal dan peranannya dengan maksud *tadbir*, iaitu perbuatan yang merangkumi tindakan merenung terhadap akhiran atau akibat sesuatu perkara untuk mendapatkan tujuan yang baik, dan tindakan melaksana perkara tersebut berdasarkan tujuan yang baik itu supaya akhirnya mendatangkan hasil-hasil yang terpuji. Inilah yang

<sup>46</sup> Mohd Zaidi dan Mohd Sani, *Good Governance*, 93-94.

<sup>47</sup> Antaranya dalam riwayat 'Alī bin Abī Ṭālib r.a. Lihat: Abū 'Abd Allāh al-Quḍā'ī, *Musnad al-Shihāb*, Bab 20, no. 32, suntingan ilmiah Hamdi 'Abd al-Hamid al-Salafī, jil. 1 (Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 1986), 54. Begitu juga dalam riwayat Ibn 'Abbās r.a. Lihat: Nūr al-Dīn al-Haythamī, *Bughyat al-Bāhith 'an Zawā'id Musnad al-Ḥārith bin Abī Usāmah*, "Kitāb al-Adab", no. 847, suntingan ilmiah Husayn Aḥmad al-Bākīrī, jil. 2 (al-Madīnah al-Munawwarah: Markaz Khidmat al-Sunnah wa'l-Sirah al-Nabawiyyah, 1992), 815.

<sup>48</sup> "Lā 'aql ka'l-tadbir, wa-lā wara' ka'l-kaff, walā ḥasab ka-ḥusni al-khuūq". Lihat: Abū 'Abd Allāh al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, "Kitāb al-Zuhd", no. 4218, suntingan ilmiah Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, jil. 2 (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t.), 1410; Abū Nu'aym al-Āṣbahānī, *Hilyat al-Awliyā'*, jil. 6 (Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1984), 342-343.

menjadi perlakuan seorang manusia yang berakal, iaitu melakukan pertimbangan terhadap akibat sesuatu perkara, dan melakukan tindakan ke atas perkara tersebut berdasarkan pertimbangannya itu, agar dengan yang demikian mengundang redha Allah SWT ke atas dirinya.<sup>49</sup>

Sementara itu, perkataan *tadabbur* ada ditemui dalam riwayat Abū Ja‘far r.a yang menyebut bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: "Sekiranya kamu berkehendakkan sesuatu perkara maka lakukanlah *tadabbur* terhadap akibatnya, jika ia sesuatu yang baik, maka laksanakanlah ia, namun jika ia sesuatu yang keji, maka hindarilah (ia)."<sup>50</sup>

Riwayat hadis ini pula menguatkan maksud *tadabbur* itu sendiri sebagai perbuatan merenung yang merangkumi tindakan berfikir dan memahami akibat sesuatu perkara, bahkan mengaitkannya dengan perbuatan yang bersifat *jawārihi* iaitu tindakan melaksana jika akibat perkara itu adalah baik, atau tindakan menghindari jika akibat perkara itu adalah sebaliknya. Dengan yang demikian, riwayat hadis ini secara tidak langsung menggambarkan makna *tadbīr* yang sebenar, yang merangkumi kedua-dua bahagian pemikiran dan amalan.

Maka, berdasarkan perbahasan di atas, *tadbīr* pada asalnya apabila dirujuk sebagai perbuatan terhadap sesuatu perkara merupakan perbuatan merenung terhadap akibat sesuatu perkara tersebut. Namun, apabila diperincikan lebih lanjut, *tadbīr* tidak sekadar terhad kepada perbuatan merenung, sebaliknya turut merangkumi perbuatan melaksana atau menghindari sesuatu perkara itu

---

<sup>49</sup> Lihat juga kupasan berkenaan riwayat hadis ini oleh Mohd Zaidi dan Mohd Sani, *Good Governance*, nota kaki no. 33, h. 95.

<sup>50</sup> "Idhā aradta amran fatadabbar 'āqibatihu, fa-in kāna khayran famdihi, wa-in kāna sharrañ fantahi 'anhu". Lihat: 'Abd Allāh al-Mubārak, al-Zuhd wayalīhi al-Raqā'iq, no. 41, suntingan ilmiah Habīb al-Rahmān al-A'zamī (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 14.

berdasarkan akibatnya. Dengan yang demikian, *tadbir* boleh disifatkan sebagai perbuatan yang sudah sedia mengandungi bahagian pemikiran dan amalan. Di peringkat pemikiran, ia boleh terdiri dari tindakan memperhalusi dan menilai akibat-akibat sesuatu perkara, sementara di peringkat amalan, ia boleh terdiri dari tindakan melaksana atau menghindari sesuatu perkara tersebut berdasarkan akibat-akibatnya itu.

Walau bagaimanapun, kefahaman yang lebih mendalam terhadap takrif, tafsiran dan syarahan yang dikemukakan tentang *tadbir* memperlihatkan bahawa *tadbir* sudah sedia mengandungi makna yang merujuk kepada perbuatan ke arah menghasilkan tujuan-tujuan yang baik agar akhirnya mendatangkan hasil-hasil yang terpuji. Ini kerana *tadbir* lebih diungkapkan sebagai perbuatan yang merangkumi tindakan merenung dan melaksana sekaligus, maka tidak mungkin perlaksanaan terhadap sesuatu perkara boleh berlaku jika renungan terhadap akibat-akibat perkara itu menghasilkan tujuan-tujuan yang tidak baik.

Dalam hal ini, hasil-hasil yang terpuji akan diperolehi jika tujuan-tujuan yang baik dapat dikemukakan berdasarkan renungan yang betul dan benar. Justeru itu, *tadbir* sebenarnya lebih menggambarkan 'perbuatan yang melibatkan tindakan merenung yang betul dan benar terhadap akibat-akibat sesuatu perkara untuk menghasilkan tujuan-tujuan yang baik, disusuli dengan tindakan melaksana yang betul dan benar terhadap perkara tersebut berdasarkan tujuan-tujuannya itu agar akhirnya mendatangkan hasil-hasil yang terpuji'.

Kefahaman tentang *tadbir* ini juga sebenarnya berkait dengan dua faham yang penting dalam Islam, iaitu faham kebebasan dan kebenaran. Faham kebebasan diungkapkan melalui kata kunci *ikhtiyār* dalam bahasa Arab, yang menggambarkan kebebasan dari kenistaan yang dicapai menerusi pilihan-pilihan yang baik (*khayr*). Sementara

faham kebenaran diungkapkan melalui istilah *haqq* dalam bahasa Arab, yang menggambarkan kebenaran secara hakiki yang bersesuaian dengan kehendak-kehendak kebijaksanaan (*hikmah*) dan keadilan ('*adl*).<sup>51</sup>

Tindakan merenung yang berlaku terhadap akibat untuk menghasilkan tujuan yang baik, beserta tindakan melaksana yang berdasarkan tindakan merenung tersebut adalah penjelmaan faham *ikhtiyār* yang dimaksudkan, bahkan berasaskan faham *haqq* itu sendiri. Justeru itu, apabila berlakunya *ikhtiyār* yang berasaskan perkara yang *haqq*, maka hasil yang terpuji akan diperolehi.

### **Makna *Ta'dīb***

*Ta'dīb* merupakan kata terbitan kepada kata perbuatan *addaba* yang juga datang dalam bentuk timbangan *taf'il* atau *fa 'ala*, justeru membawa tugas yang sama seperti *taðbīr*. *Ta'dīb* atau *addaba* berkait dengan kata nama *adab*, yang mengandungi makna asal 'undangan dan takjuban'. Dalam hal ini, *adab* yang dimaksudkan adalah merujuk kepada adab sebagai sifat manusia, ditambah pula adab itu sendiri masih lagi mengandungi makna asalnya sebagai sesuatu yang mengundang dan menakjubkan manusia kepada perkara-perkara yang baik.<sup>52</sup> Justeru itu, *ta'dīb* atau *addaba* dengan makna asalnya merupakan 'perbuatan menghubungkan manusia kepada adabnya'.

Hubungan antara *adab* dengan makna asalnya iaitu undangan dan takjuban boleh diperjelaskan apabila *adab* tergambar pada perkara-perkara yang mengundang sesuatu kepada sesuatu dan menakjubkan sesuatu terhadap

---

<sup>51</sup> Untuk penjelasan lebih lanjut tentang hal ini, lihat: Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to The Metaphysics of Islam* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1995), 33-34, 93-94 dan 125-126; Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept of Education in Islam: A Framework For An Islamic Philosophy of Education*, c. 3 (Kuala Lumpur: ISTAC, 1999), 19-20.

<sup>52</sup> Lihat pada madah *a-da-ba* dalam Abū al-Ḥusayn Ibn Fāris, *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*, 50.

sesuatu. Misalnya, apabila *adab* digunakan kepada laut (*adab al-bahr*), ia bermaksud laut yang memiliki air yang banyak, atau dalam erti kata yang lain laut yang berombak, kerana jumlah air dan gelombang ombak itu mengundang manusia untuk melihatnya dan menakjubkan manusia terhadapnya. Begitu juga apabila *adab* digunakan kepada negara (*adab al-bilād*), ia bermaksud negara yang adil, kerana keadilan itu mengundang manusia untuk mendudukinya dan menakjubkan manusia terhadapnya.

Justeru itu, apabila *adab* digunakan kepada manusia yang dibahagikan oleh para ilmuwan Islam kepada adab ajar (*adab al-dars*) dan adab jiwa (*adab al-nafs*), ia bermaksud manusia yang memiliki ilmu dan perangai serta kelakuan yang baik. Ini kerana ilmu mengundang dan menakjubkan manusia kepada martabat dan darjatnya yang tinggi, manakala perangai dan kelakuan yang baik mengundang dan menakjubkan manusia kepada perkara-perkara yang terpuji sekaligus melarang dari perkara-perkara yang dikeji.

*Ta'dīb* atau *addaba* sebenarnya boleh digunakan kepada manusia dan binatang. Apabila merujuk penggunaannya kepada manusia, ia bermaksud pengajaran ilmu yang diungkapkan dengan *ta'līm* atau *'allama*, dan apabila merujuk penggunaannya kepada binatang pula, ia bermaksud perlatihan perbuatan agar binatang itu patuh dan tunduk. Dengan yang demikian, *ta'dīb* atau *addaba* sudah sedia merangkumi makna perbuatan yang bersifat *'aqlī* (akal) iaitu pengajaran ilmu, dan perbuatan yang bersifat *jawārihi* (anggota tubuh) iaitu perlatihan perbuatan. Ini bermakna, jika *ta'dīb* atau *addaba* digunakan kepada manusia secara khusus, ia sebenarnya membawa makna kedua-dua perbuatan tersebut secara bersama, iaitu makna perbuatan yang mengkhusus kepada akal dan anggota tubuh manusia.<sup>53</sup>

---

<sup>53</sup> Seluruh penjelasan tentang *adab* dan *ta'dīb* ini adalah berdasarkan perbahasan Ibn Manzūr dan al-Fayrūzābādī berkenaan dua perkataan

Perkataan *ta'dīb* atau *addaba* tidak ditemui di dalam al-Qur'an. Namun, kedua-duanya terdapat di dalam beberapa riwayat hadis Nabi s.a.w. Antaranya ialah riwayat 'Abd Allāh bin Mas'ūd r.a yang menyebut bahawa Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud: "Tuhanmu telah melakukan *ta'dīb* kepadaku, bahkan memperelokkan *ta'dībku* itu."<sup>54</sup> Begitu juga riwayat Jābir bin Samurah r.a yang menyebut bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: "Untuk seseorang ayah itu melakukan *ta'dīb* ke atas anaknya adalah lebih baik dari dia bersedekah secupak (sesuatu)."<sup>55</sup>

Antara lain ialah riwayat Abū Mūsā r.a yang menyebut bahawa Nabi s.a.w bersada yang bermaksud: "...dan lelaki yang memiliki seorang hamba perempuan, lalu menyetubuhinya, kemudian melakukan *ta'dīb* ke atasnya bahkan memperelokkan *adabnya*, kemudian melakukan *ta'līm* (pengajaran) ke atasnya bahkan memperelokkan *ta'līmnya*, kemudian membebaskannya...."<sup>56</sup> Begitu juga riwayat 'Uqbah bin 'Āmir r.a yang menyebut bahawa Rasulullah s.a.w

---

tersebut dalam karya mereka. Lihat pada madah *a-da-ba* dalam: Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, jil. 1, 268-275; al-Fayrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muhiṭ*, 58.

<sup>54</sup> "Addabani ḥabbi fa'aḥsana ta'dībi". Lihat: 'Abd al-Karīm Muḥammad al-Sam'ānī, *Adab al-Imlā' wa'l-Istimlā'* (Bayrūt: Dār wa Maktabah al-Hilāl, 1989), 5.

<sup>55</sup> "La'an yu'addib al-Rajul waladahu khayrun min an yataṣṣadqa biṣā'in". Lihat: Muḥammad 'Isā al-Tirmidhī, *al-Jāmi'* al-Ṣaḥīḥ *Sunan al-Tirmidhī*, "Kitāb al-Birr wa'l-Ṣilah 'an Rasūl Allāh Ṣallā Allāh 'alaihi wasallam", no. 1951, suntingan ilmiah Ahmad Muḥammad Shākir, jil. 4 (Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, t.t.), 337.

<sup>56</sup> "...warajulun kānat 'indahu amatun yaṭa'uḥā fa'addabahā fa'aḥsana adabahā wa'allamahā fa'aḥsana ta'līmahā thumma a'taqahā...". Lihat: Muḥammad Ismā'īl al-Bukhārī, *al-Jāmi'* al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar, "Kitāb al-'Ilm", no. 97, suntingan ilmiah Muṣṭafā Dīb al-Bughā, jil. 1 (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1987), 48.

bersabda yang bermaksud: "...tiada *lahw* (hiburan yang dibenarkan) melainkan pada tiga perkara; perlakuan *ta'dīb* seorang lelaki ke atas kuda tunggangannya...."<sup>57</sup>

Kesemua riwayat-riwayat hadis ini merujuk sama ada kepada perbuatan Allah SWT yang melakukan *ta'dīb* terhadap Nabi Muhammad s.a.w, ibu-bapa terhadap anak-anak mereka, pemilik hamba terhadap hambanya, mahupun pemilik kuda terhadap kuda tunggangannya. Namun, apa yang ingin diperjelaskan di sini ialah *ta'dīb* atau *addaba* sebenarnya lebih menjurus kepada perbuatan yang berhubung dengan ilmu yang benar dan akhlak yang baik.

Berdasarkan riwayat "Abd Allāh bin Mas'ūd r.a di atas, Nabi s.a.w menerima *ta'dīb* dari Allah SWT sehingga akhirnya menjadi insan agung yang memiliki ketinggian ilmu yang benar dan akhlak yang baik. Malah, Allah SWT melakukan *ta'dīb* terhadap baginda menerusi al-Qur'an yang diungkapkan sebagai *adab* dan *ma'dabah*-Nya.<sup>58</sup> Sudah tentu al-Qur'an itu mengandungi segala makna yang berkaitan dengan ilmu yang benar dan akhlak yang baik, bahkan merangkumi bahagian rohani dan jasmani manusia secara menyeluruh sama ada melibatkan *'aql* (akal), *qalb* (hati), *nafs* (jiwa), *rūh* (roh) mahupun *jawāriḥ* (anggota tubuh) apabila merujuk secara khusus kepada manusia.

<sup>57</sup> "...laysa min al-lahw illā thalāth; ta'dīb al-rajul farsahu...". Lihat: Sulaymān al-Ash'ath al-Sajistānī, *Sunan Abī Dāwud*, "Kitāb al-Jihād", no. 2513, suntingan ilmiah Muḥammad Muhy al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd, jil. 2 (t.t.p: Dār al-Fikr, t.t.)h. 16.

<sup>58</sup> Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada riwayat-riwayat yang menyebut "...dan sesungguhnya *adab* Allah SWT adalah al-Qur'an...", dan "Sesungguhnya al-Qur'an ini merupakan *ma'dabah* Allah SWT...". Lihat: 'Abd Allāh 'Abd al-Rahmān al-Dārimī, *Sunan al-Dārimī*, "Kitāb Fada'il al-Qur'ān", no. 3321, suntingan ilmiah Fawwāz Ahmad Zumarī dan Khālid al-Sab' al-'Ilmī, jil. 2 (Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1986), 525; *Ibid.*, no. 3307, 521; *Ibid.*, no. 3315, 523; *Ibid.*, no. 3322, 525.

Justeru itu, *ta'dīb* atau *addaba* dalam penggunaannya kepada manusia merupakan perbuatan yang berhubung dengan ilmu yang benar dan akhlak yang baik serta merangkumi bahagian rohani dan jasmani manusia secara menyeluruh, seiring dengan sifatnya yang mengkhusus kepada akal dan anggota tubuh manusia itu sendiri.

Maka, berdasarkan perbahasan di atas, *ta'dīb* atau *addaba* apabila merujuk kepada hubungannya dengan manusia adalah bertujuan untuk melahirkan manusia yang beradab. Apa yang dimaksudkan dengan manusia yang beradab ialah manusia yang memiliki ilmu yang benar dan akhlak yang baik, merangkumi bahagian rohani dan jasmaninya secara menyeluruh. Ini kerana *ta'dīb* atau *addaba* sudah sedia merangkumi perbuatan yang bersifat '*aqlī*' dan '*jawāriḥī*', bahkan kedudukan *ta'dīb* atau *addaba* juga lebih merujuk kepada perbuatan yang berhubung dengan ilmu yang benar dan akhlak yang baik serta merangkumi bahagian rohani dan jasmani manusia secara menyeluruh.

Dengan yang demikian, *ta'dīb* atau *addaba* jika merujuk kepada perbuatan yang berkaitan dengan manusia merupakan 'perbuatan menghubungkan manusia kepada adabnya untuk melahirkan manusia yang beradab, iaitu manusia yang memiliki ilmu yang benar dan akhlak yang baik, merangkumi bahagian rohani dan jasmaninya secara menyeluruh'.

### ***Tadbir al-Ta'dib sebagai Faham Pentadbiran Pendidikan Islam***

Apabila pentadbiran pendidikan terbentuk dari hubungan antara pentadbiran dan pendidikan, maka makna pentadbiran pendidikan dalam Islam harus menghubungkan antara makna pentadbiran dan pendidikan dalam Islam.<sup>59</sup> Dalam hal ini, apabila *tadbir*

---

<sup>59</sup> Penghargaan diberikan kepada Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Pengarah, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam

dan *ta'dīb* masing-masing menggambarkan makna kedua-dua perkara tersebut, maka *tadbīr al-ta'dīb* sebagai hasil dari hubungan antara *tadbīr* dan *ta'dīb* akan menggambarkan makna pentadbiran pendidikan dalam Islam.

*Tadbīr* merupakan istilah yang paling tepat bagi menggambarkan makna pentadbiran dalam Islam.<sup>60</sup> Malah, perkataan 'pentadbiran' dalam bahasa Melayu juga berasal dari istilah *tadbīr* tersebut. Secara umumnya, definisi-definisi yang dikemukakan tentang konsep pentadbiran tidak lari dari menyentuh tiga unsur iaitu proses, sumber dan tujuan. Ini menyebabkan sebahagian besar definisi tersebut menggambarkan pentadbiran sebagai 'proses untuk menggunakan sumber manusia dan material ke arah mencapai tujuan yang diinginkan'.<sup>61</sup>

Oleh kerana itu, kebanyakan perbincangan tentang pentadbiran umum lebih memfokuskan kepada kedudukannya sebagai proses perlaksanaan ke arah mencapai tujuan. Malah, terdapat juga perbincangan-perbincangan yang lebih berkisar kepada sumber

---

Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur atas buku dan makalah yang dihasilkan tentang pentadbiran dalam Islam serta perbincangan peribadi dengan beliau yang menjadi rujukan dalam membahaskan faham pentadbiran Islam secara khusus.

<sup>60</sup> Hubungan antara pentadbiran dan *tadbīr* ini diperakui oleh sebahagian sarjana dalam karya mereka. Antaranya: Al-Buraey, al-Buraey, *Management and Administration in Islam*; Yassine Essid, *A Critique of The Origins of Islamic Economic Thought* (Leiden: E.J. Brill, 1995); Wan Mohd Nor Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991); Mohd Zaidi Ismail & Mohd Sani Badron, *Good Governance*.

<sup>61</sup> Sebagai contoh, lihat definisi yang dikemukakan oleh Sondang P. Siagian, *Falsafah Pentadbiran dan Pengurusan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), 3; Sayyid Maḥmūd al-Ḥawwārī, *al-Idārah: al-Uṣūl wa'l-Usus al-Ilmiyyah* (al-Qāhirah: Maktabah 'Ayn Shams, 1982), 7-8.

manusianya sebagai salah satu dari sumber yang menggerakkan proses perlaksanaan tersebut.<sup>62</sup>

Dengan melakukan perbandingan antara makna *tadbir* sebagaimana yang dikemukakan di atas dan maksud pentadbiran umum, didapati bahawa *tadbir* sebagai makna pentadbiran dalam Islam adalah lebih menyeluruh. Ini kerana *tadbir* mengemukakan makna pentadbiran yang merangkumi bahagian pemikiran dan amalan sekaligus berbanding maksud pentadbiran umum yang lebih menumpukan kepada bahagian amalan sahaja. Malah, *tadbir* memberi penekanan yang besar kepada bahagian pemikiran kerana ia merupakan asas kepada seluruh proses pentadbiran yang berlaku. Tindakan merenung yang betul dan benar akan menghasilkan tujuan yang baik, justeru menuntut tindakan melaksana yang

---

<sup>62</sup> Hal ini sebenarnya adalah kesan dari perkembangan yang berlaku dalam bidang pentadbiran itu sendiri. Bermula dengan pendekatan klasik yang mempamerkan teori-teori seumpama teori pentadbiran saintifik, teori pembahagian fungsi dan teori birokratik, kemudian beralih kepada pendekatan hubungan kemanusiaan, seterusnya beralih kepada pendekatan sains kelakuan, dan sebagainya. Akhirnya menjadikan perbincangan dalam bidang pentadbiran pada masa kini lebih memfokuskan sama ada kepada proses tadbir urus itu sendiri mahupun kepada sumber manusianya. Untuk pembacaan lanjut tentang teori-teori pentadbiran, lihat sebagai contoh: Frederick W. Taylor, *The Principles of Scientific Management*; Henri Fayol, *General and Industrial Management*, terjemahan dari edisi Perancis (Dunod) oleh Constance Storrs (London: Sir I. Pitman, 1949); Max Weber, *The Theory of Social and Economic Organization*, terj. A. M. Henderson & Talcott Parsons, editor dan pengenalan oleh Talcott Parsons (New York: The Free Press, 1947); Elton Mayo, *The Human Problems*; Chester I. Barnard, *The Functions of The Executive*; Wayne K. Hoy & Cecil G. Miskel, *Educational Administration*. Untuk contoh perbincangan berkisar proses tadbir urus, lihat: Peter F. Drucker, *Management: Tasks, Responsibilities, Practices* (New York: HarperBusiness, 1993). Untuk contoh perbincangan berkisar sumber manusia, lihat: Stephen R. Covey, *Principle-Centered Leadership* (New York: Simon and Schuster, Summit Books, 1991).

betul dan benar berdasarkan tujuan yang baik itu agar hasil-hasil yang terpuji dapat diperolehi.

Maka, faham pentadbiran Islam yang berasaskan makna *tadbir* boleh ditakrifkan sebagai: "Proses yang melibatkan tindakan merenung yang betul dan benar terhadap akibat-akibat sesuatu perkara untuk menghasilkan tujuan-tujuan yang baik, disusuli dengan tindakan melaksana yang betul dan benar terhadap perkara tersebut berdasarkan tujuan-tujuannya itu agar akhirnya mendatangkan hasil-hasil yang terpuji".

Sementara itu, makna pendidikan dalam Islam seringkali diungkapkan dengan tiga istilah bahasa Arab yang masyhur iaitu *ta'līm*, *tarbiyah* dan *ta'dīb*.<sup>63</sup> Namun, *ta'dīb* dipilih sebagai istilah yang paling tepat kerana *ta'dīb* sudah sedia merangkumi makna *ta'līm* dan *tarbiyah*. *Ta'līm* menggambarkan perbuatan yang lebih bersifat *'aqlī* kerana menjadikan ilmu sebagai titik penekanan yang mengakibatkan hubungannya tertumpu kepada akal manusia. Sementara *tarbiyah* menggambarkan perbuatan yang lebih bersifat *jawāriḥī* kerana menjadikan perkembangan jasad sebagai titik penekanan yang mengakibatkan hubungannya tertumpu kepada anggota tubuh manusia. Berbeza dari *ta'līm* dan *tarbiyah*, *ta'dīb* merangkumi kedua-dua aspek *'aqlī* dan *jawāriḥī* apabila menjadikan ilmu dan perkembangan jasad sebagai titik penekanan bersama, lalu mengakibatkan hubungannya merangkumi akal dan anggota tubuh manusia sekaligus.

Apabila *ta'līm* berkait dengan ilmu yang merupakan sifat akal manusia, maka segala tindakan yang berkaitan

---

<sup>63</sup> Hal ini merujuk kepada Persidangan Dunia Pertama mengenai Pendidikan Muslim di Makkah pada tahun 1977 yang merumuskan bahawa pendidikan ditakrifkan sebagai *al-ta'līm*, *al-tarbiyah* dan *al-ta'dīb* secara bersama. Lihat: Syed Muhammad Naquib al-Attas ed., *Aims and Objectives of Islamic Education*, Apendiks B (Jeddah: Universiti King Abdulaziz & Hodder dan Stoughton, 1979), 157.

dengannya haruslah memenuhi kehendak makna asalnya termasuk pengajaran dan sebagainya. Begitu juga *tarbiyah* yang berkait dengan perkembangan jasad yang merupakan sifat anggota tubuh manusia, maka segala tindakan yang berkaitan dengannya haruslah memenuhi kehendak makna asalnya termasuk pengasuhan dan sebagainya. Kedua-dua istilah ini berbeza dengan *ta'dīb* kerana *ta'dīb* berkait dengan adab yang merupakan sifat akal dan anggota tubuh manusia, bahkan kedudukan adab yang merangkumi akal dan anggota tubuh tersebut sudah sedia difahami oleh masyarakat Arab sehingga mengungkapkan adab yang merujuk kepada manusia sebagai adab ajar (*adab al-dars*) yang menumpukan kepada ilmu, dan adab jiwa (*adab al-nafs*) yang menumpukan kepada perangai dan kelakuan.<sup>64</sup>

Justeru itu, segala tindakan yang berkaitan dengan *ta'dīb* haruslah memenuhi kehendak makna asalnya yang merangkumi ilmu dan perkembangan jasad termasuklah pengajaran, pengasuhan, dan sebagainya. Dengan yang demikian, *ta'dīb* merupakan istilah yang paling tepat bagi menggambarkan makna pendidikan yang lebih menyeluruh.<sup>65</sup> Walaupun perkara ketiga-tiga perbuatan

---

<sup>64</sup> Rumusan tentang *ta'līm* dan *tarbiyah* adalah berdasarkan perbahasan yang dikemukakan oleh Ibn Fāris, Ibn Manzūr dan al-Fayrūzābādī. Untuk perbahasan tentang *ta'līm*, lihat pada madah 'a-la-ma dalam: Ibn Fāris, *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, 663-664; Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, jil. 12, 416-421; Al-Fayrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, 1140.

Untuk perbahasan tentang *tarbiyah*, lihat pada madah *ra-ba-a* atau *ra-ba* dalam: Ibn Fāris, *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, 419-420; Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, jil. 14, 304-306; Al-Fayrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, 1286.

Nasrat Abdul Rahman ada membahaskan lebih lanjut tentang *adab al-dars* dan *adab al-nafs*. Lihat: Nasrat Abdul Rahman, "The Semantics of Adab in Arabic", *al-Shajarah*, jil. 2, bil. 2, (1997), 197-205.

<sup>65</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas menyatakan bahawa *ta'dīb* sudah sedia terkandung di dalamnya makna *ta'līm* dan *tarbiyah*. Lihat: Al-Attas, *The Concept of Education in Islam*, 33.

tersebut adalah sama iaitu manusia, namun istilah yang paling tepat harus dipilih kerana istilah tersebut akan menggambarkan faham Islam yang sebenar tentang pendidikan sebagai suatu proses, sama ada bersifat menyeluruh maupun sebaliknya.

Apabila faham pendidikan secara umum ditakrifkan sebagai 'proses menerapkan sesuatu ke dalam diri manusia',<sup>66</sup> maka faham pendidikan Islam yang berasaskan makna *ta'dib* boleh ditakrifkan sebagai: "Proses menerapkan adab ke dalam diri manusia untuk melahirkan manusia yang beradab, iaitu manusia yang memiliki ilmu yang benar dan akhlak yang baik, merangkumi bahagian rohani dan jasmaninya secara menyeluruh".

Justeru itu, faham pentadbiran pendidikan Islam yang berasaskan makna *tadbīr al-ta'dīb* sebagai hasil dari hubungan antara makna *tadbīr* dan *ta'dīb* boleh ditakrifkan sebagai: "Proses yang melibatkan tindakan merenung yang betul dan benar terhadap akibat proses pendidikan Islam untuk menghasilkan tujuan-tujuan ke arah melahirkan manusia yang beradab, disusuli dengan tindakan melaksana yang betul dan benar terhadap proses pendidikan Islam tersebut berdasarkan tujuan-tujuannya itu agar akhirnya melahirkan manusia yang beradab yang diinginkan, iaitu manusia yang memiliki ilmu yang benar dan akhlak yang baik, merangkumi bahagian rohani dan jasmaninya secara menyeluruh".

Makna *tadbīr al-ta'dīb* menggambarkan faham pentadbiran pendidikan Islam yang lebih menyeluruh kerana merangkumi kedua-dua tindakan merenung dan melaksana sebagai bahagian pemikiran dan amalan dalam proses yang berlaku, bahkan merangkumi persoalan ilmu dan akhlak serta rohani dan jasmani manusia sebagai sasaran dari proses tersebut. Begitu juga faham *tadbīr al-ta'dīb* menggambarkan faham pentadbiran pendidikan

---

<sup>66</sup> *Ibid.*, 13.

Islam yang lebih mendasar kerana berasaskan makna kata-kata kunci bahasa Arab sebagai bahasa Islami yang kukuh dan padu hasil dari kaedah dan pendekatan yang menjadi tradisi ilmuwan Islam.

Perlu juga diperjelaskan di sini bahawa penentuan proses yang berlaku sebagai betul dan benar adalah berdasarkan bentuk hubungan proses tersebut dengan pegangan-pegangan Islam yang berkaitan, seumpama bijaksana (*hikmah*), adil (*adl*), mampu (*quwwah*), amanah (*amānah*), takwa (*taqwā*), syura (*shūrā*), rahmat (*rahmah*), dan tekun (*itqān*), bahkan dengan unsur-unsur yang berkaitan, seperti polisi (*siyāsah*), perancangan (*takḥīṭ*), pengurusan (*tanzīm*), dan kepemimpinan (*qiyādah*) yang merupakan peranan-peranan yang bertindak ke atas bahagian-bahagian sistem pendidikan Islam.

### Kesimpulan

Pentadbiran pendidikan merupakan suatu bidang dalam lapangan pendidikan yang tidak sekadar dibicarakan oleh para sarjana Barat melalui pendekatan-pendekatan yang diperkenalkan, bahkan dibicarakan juga oleh para sarjana Muslim melalui perbahasan-perbahasan dari pandangan Islam yang berasaskan pegangan-pegangan Islam dalam pentadbiran umum. Namun, perbahasan-perbahasan yang dikemukakan oleh para sarjana Muslim khususnya tentang asas faham pentadbiran pendidikan Islam didapati tidak menyeluruh dan mendasar kerana sebahagian besar darinya hanya tertumpu pada bahagian amalan dalam proses yang berlaku tanpa melibatkan bahagian pemikirannya bersama, bahkan sebahagian dari perbahasan itu juga mengemukakan asas faham yang tidak melambangkan asas yang sebenar bagi faham pentadbiran pendidikan Islam itu sendiri.

Maka, makalah ini mengemukakan perbahasan yang lebih menyeluruh dan mendasar apabila meletakkan faham *tadbīr al-ta'dīb* sebagai asas faham pentadbiran pendidikan Islam. *Tadbīr al-ta'dīb* lebih menyeluruh

kerana merangkumi kedua-dua bahagian pemikiran dan amalan dalam proses yang berlaku, bahkan merangkumi persoalan ilmu dan akhlak serta rohani dan jasmani manusia sebagai sasaran dari proses tersebut. *Tadbir al-ta'dib* juga lebih mendasar kerana berasaskan makna kata-kata kunci bahasa Arab sebagai bahasa Islami yang kukuh dan padu hasil dari kaedah dan pendekatan yang menjadi tradisi ilmuwan Islam. Oleh kerana itu, makna *tadbir al-ta'dib* merupakan istilah yang paling tepat bagi menggambarkan faham pentadbiran pendidikan Islam.

## Rujukan

- ˋAbd al-Karīm Muḥammad al-Sam`ānī. *Adab al-Imlā' wa 'l-Istīmlā'*. Bayrūt: Dār wa-Maktabah al-Hilāl, 1989.
- ˋAbd Allāh al-Mubārak. *Al-Zuhd wayalihī al-Raqā'iq*, ed. Ḥabīb al-Raḥmān al-A'ẓamī. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Al-`Alī, Muḥammad Muhanna'. *Al-Idārah fi al-Islām*. Jiddah: Dār al-Sa'ādah, 1985.
- ˋArafāt ˋAbd al-`Azīz Sulaymān. *Al-Idārah al-Madrasiyyah fi Daw'i al-Fikr al-Idāri al-Islāmi al-Mu'āṣir*. Al-Qāhirah: Maktabah al-Anjūlū al-Miṣriyyah, 1987.
- ˋĀrif Tawfiq ˋAtṭārī. *Al-Idārah al-Tarbawiyyah: Muqaddimāt li Manzūr Islāmī*. Al-Dawḥah: Wizārat al-Awqāf wa'l-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2008.
- Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor eds. *Dimensi Pengurusan Islam: Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Abu Bakar Sarifuddin, "The Islamic Straight Path in Educational Management and Leadership" (Kertas Kerja Asian Symposium on Educational Management and Leadership, Genting Highlands, Pahang, 26-29 Ogos 1997).
- Adi Setia Mohd Dom, "Teori dan Penemuan Barat tentang 'Aqal: Tinjauan dan Penilaian Ringkas Menurut

- Kerangka Faham Ilmu Islam" (Kertas Kerja Seminar Pelbagai Martabat dan Sifat Akal Fikiran dalam Tradisi Ilmiah Tamadun Islam, IKIM, Kuala Lumpur, 13-14 Mei 2008).
- Aḥmad Ibrāhīm Abū Sin. *Al-Idārah fī al-Islām*, c. 3. Dubay: Maṭba‘ah Miṣriyyah, 1986.
- Ali Jubran Saleh. *Educational Administration: An Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 2002.
- Al-Āṣbahānī, Abū Nu`aym. *Hilyat al-Awliyā'*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1984.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib ed. *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: Universiti King Abdulaziz & Hodder dan Stoughton, 1979.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Prolegomena to The Metaphysics of Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC, 1995.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *The Concept of Education in Islam: A Framework For an Islamic Philosophy of Education*, c.3. Kuala Lumpur: ISTAC, 1999.
- Barnard, Chester I. *The Functions of the Executive*. Cambridge, Mass.: Harvard University Press, 1938.
- Bobbitt, John F. "The Supervision of City Schools: Some General Principles of Management Applied to the Problems of City-School Systems". Dalam *Twelfth Yearbook of The National Society for The Study of Education Part I*. Bloomington, IL: National Society for the Study of Education, 1913.
- Al-Bukhārī, Muḥammad Ismā‘il. *Al-Jāmi‘ al-Sahīh al-Mukhtaṣar*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1987.
- Al-Buraey, Muhammad A. *Management and Administration in Islam*, c. 6. London: Kegan Paul International, 2003.
- Cobban, Alan B. *The Medieval Universities: Their Development and Organization*. London: Methuen, 1975.

- Covey, Stephen R. *Principle-Centered Leadership*. New York: Simon and Schuster, Summit Books, 1991.
- Al-Dārimī, `Abd Allāh `Abd al-Rahmān. *Sunan al-Dārimī*, ed. Fawwāz Ahmād Zumarlī & Khālid al-Sab` al-Ilmī. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-`Arabi, 1986.
- Drucker, Peter F. *Management: Tasks, Responsibilities, Practices*. New York: HarperBusiness, 1993.
- Essid, Yassine. *A Critique of the Origins of Islamic Economic Thought*. Leiden: E.J. Brill, 1995.
- Al-Fakh al-Rāzī, Muḥammad `Umar. *Mafātiḥ al-Ghayb min al-Qur'ān al-Karīm*, jil. 17. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-`Arabi, t.t.
- Al-Fayrūzābādī, Muḥammad Ya`qūb. *Al-Qāmūs al-Muhiṭ*, ed. Muḥammad Na'im al-`Arqasūsi. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 2005.
- Fayol, Henri. *General and Industrial Management*, terj. Constance Storrs. London: Sir I. Pitman, 1949.
- Griffiths, Daniel E. *Administrative Theory*. New York: Appleton-Century-Crofts, 1959.
- Al-Hawwārī, Sayyid Maḥmūd. *Al-Idārah: al-Uṣūl wa'l-Usus al-'Ilmiyyah*. Al-Qāhirah: Maktabah 'Ayn Shams, 1982.
- Al-Haythamī, Nūr al-Dīn. *Bughyat al-Bāhith `an Zawā'id Musnad al-Hārith bin Abī Usāmah*, ed. Ḥusayn Ahmād al-Bākiri. Al-Madīnah al-Munawwarah: Markaz Khidmat al-Sunnah wa'l-Sirah al-Nabawiyyah, 1992.
- Hoy, Wayne K. & Miskel, Cecil G. *Educational Administration: Theory, Research, and Practice*, edisi ke-8. Boston: McGraw-Hill, 2008.
- Ibn `Āshūr, Muḥammad al-Tāhir. *Al-Tahrīr wa'l-Tanwīr*, jil. 11. Tūnis: Dār Sahnūn, 1997.
- Ibn Fāris, Abū al-Ḥusayn. *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, ed. Muḥammad `Awāḍ Mar`ib & Fātimah Muḥammad Aṣlān. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-`Arabi, 2001.

- Ibn Manzūr, Muḥammad Makram. *Lisān al-`Arab*, jil. 4.  
Bayrūt: Dār Ṣādir, t.t.
- Ibrāhīm `Iṣmat Muṭāwī & Amīnah Hassān. *Al-Uṣūl al-Idāriyyah li l-Tarbiyah*. Jiddah: Dār Shurūq, 1982.
- Al-Jurjānī, `Alī Muḥammad. *Al-Ta’rifat*, ed. Ibrāhīm al-Abyārī. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-`Arabi, 1984.
- Mayo, Elton. *The Human Problems of An Industrial Civilization*. Salem: Ayer Company, 1933.
- Al-Mazjājī, Aḥmad Dāwud. *Muqaddimah fī al-Idārah al-Islāmiyyah*. Jiddah: al-Sharikah al-Khalījiyyah, 2000.
- Mohd Zaidi Ismail & Mohd Sani Badron. *Good Governance: Adab-Oriented Tadbir in Islam*. Kuala Lumpur: IKIM, 2011.
- Mohd. Zahid Noordin, "Principles of Management and Administration: Islamic Perspective" (Kertas Kerja Seminar Serantau Pengurusan Islam, Genting Highlands, Pahang, 6-10 April 1987).
- Muhammad Abdul Rauf. *Management and Administration: An Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: Islamic Affairs Division, Prime Ministers Dept, 1987.
- Muhammad Ma‘ṣūm `Alī. *Al-Amthalah al-Taṣrīfiyyah*. Semarang: Pustaka al-‘Alawiyah, t.t.
- Muhammad Muhammad Ṣalih. "Al-Idārah al-Tarbawiyyah fī ‘Aṣr al-Dawlah al-Rasūliyyah". (Disertasi Sarjana, Ta’iz University, Yemen, 2007).
- Mujamil Qomar. *Manajemen Pendidikan Islam*. t.t.p.: Penerbit Erlangga, t.t.
- Naceur Jabnoun. *Islam and Management*. Riyadh: International Islamic Publishing House, 2008.
- Nasrat Abdul Rahman, "The Semantics of Adab in Arabic", *al-Shajarah*, jil. 2, bil. 2, (1997): 189-207.
- Al-Qazwīnī, Abū ‘Abd Allāh. *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muḥammad Fu’ād `Abd al-Bāqī. Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t.

- Al-Quḍā'ī, Abū `Abd Allāh. *Musnad al-Shihāb*, ed. Ḥamdi `Abd al-Ḥamid al-Salafi. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 1986.
- Al-Qutb, Muḥammad Quṭb. *Nizām al-Idārah fī al-Islām: Dirāsa Muqāranah bi'l-Nuzūm al-Mu'āṣirah*. t.t.p.: Dār Fikr 'Arabi, 1978.
- Al-Tahānawī, Muḥammad `Alī. *Mawsū'ah Kashshāf Istilāhāt al-Funūn wa'l-'Ulūm*, ed. Rafiq al-'Ajām, jil. 1. Bayrūt: Maktabah Lubnān Nāshirūn, 1996.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad `Isā. *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir. Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, t.t.
- Rait, Robert S. *Life in The Medieval University*. Cambridge: Cambridge University Press, 1931.
- Al-Rājihī, `Abduh. *Fī al-Taṭbiq al-Naḥwi wa'l-Şarfī*. Iskandariyyah: Dār al-Ma'rifah al-Jāmi'iyyah, 1992.
- Al-Rujūb. Muḥammad 'Alī. "Al-Idārah al-Tarbawiyyah fī 'al-Madāris fī al-'Aṣr al-'Abbāsi." (Disertasi Sarjana, Yarmouk University, Jordan, 2002).
- Al-Sajistānī, Sulaymān al-Ash`ath. *Sunan Abī Dāwud*, ed. Muḥammad Muḥy al-Dīn `Abd al-Ḥamid. t.t.p: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Shaybānī, `Umar Muḥammad. *Min Usus al-Tarbiyah al-Islāmiyyah*. Tarāblus: Manshūrāt al-Mansha'āt al-Shābiyyah li'l-Nashr wa'l-Tawzī' wa'l-I'lān, 1979.
- Sears, Jesse B. *Public School Administration*. New York: The Ronald Press, 1947.
- Shafie Mohd. Salleh. *Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar dan Amalan dalam Islam*. Kuala Lumpur: INTAN, 1990.
- Sidek Baba, "Pengurusan Pendidikan Islam: Suatu Pendekatan Sepadu" (Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan Pendidikan: Ke Arah Pengurusan Pendidikan Berkualiti Abad 21 Ke-2, jil. 1, Genting Highlands, Pahang, 26-28 November 1992).

Asyraf, Wan Suhaimi & Ghazali, "Asas Faham Pentadbiran Pendidikan Islam," *Afskar* 13 (2012): 1-32

- Sondang P. Siagian. *Falsafah Pentadbiran dan Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
- Syed Othman al-Habshi & Hamiza Ibrahim ed. *Pengurusan dan Pentadbiran: Mencapai Kecemerlangan Melalui Penghayatan Nilai*. Kuala Lumpur: IKIM, 1998.
- Taylor, Frederick W. *The Principles of Scientific Management*. New York: Norton, 1967.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Weber, Max. *The Theory of Social and Economic Organization*, terj. A. M. Henderson & Talcott Parsons, ed. Talcott Parsons. New York: The Free Press, 1947.
- Yusof Ismail. *Mengurus Secara Islam: Model dan Prinsip-Prinsip Pengurusan Islam bagi Individu dan Organisasi*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 2004.
- Zahā' al-Dīn Ahmād `Ubaydāt. *Al-Qiyādah wa'l-Idārah al-Tarbiyyah fī al-Islām*. 'Ammān: Dār al-Bayāriq, 2001.